



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **PENELITIAN SEMULA SKIM PERUBATAN MADANI UNTUK PENAMBAHBAIKAN PENJAGAAN KESIHATAN YANG MAMPAN**

**1 MAC 2024**

---

Dalam perbincangan berterusan di Parlimen dan liputan media berkenaan usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menambah baik Skim Perubatan MADANI (SPM), fokus utama adalah pada kapasiti kewangan dalam mengekalkan pelaksanaan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, KKM mendorong perspektif yang lebih halus bagi memberikan pertimbangan terhadap objektif asal skim tersebut dan inisiatif peningkatan penjagaan kesihatan yang lebih luas yang dilaksanakan secara serentak oleh Kementerian.

Dilancarkan sebagai projek perintis pada 15 Jun 2023, SPM bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di hospital, terutamanya di Zon Hijau Jabatan Kecemasan (ED) hospital-hospital KKM. Lebih daripada 1.57 juta rakyat Malaysia dalam kategori B40 di seluruh negara telah menerima rawatan dari klinik perubatan am swasta

(GP) bawah program ini sehingga akhir Februari 2024 dengan kerajaan menanggung semua kos rawatan. Program yang dikendalikan oleh PHCorp, sebuah entiti berbadan korporat yang dimiliki sepenuhnya oleh KKM, telah berjaya mengurangkan kesesakan hospital secara ketara.

Namun demikian, adalah penting untuk tidak mengabaikan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh KKM sepanjang tempoh pelaksanaan SPM. Kebanyakan Klinik Kesihatan (KK) di seluruh Malaysia telah meningkatkan kapasiti perkhidmatan waktu tambahan yang sedia ada, beroperasi sehingga 9.30 malam pada hari biasa dan daripada 9 pagi hingga 1 petang pada hari Sabtu. Enam KK yang terpilih turut menyediakan perkhidmatan setengah hari tambahan pada hari Ahad dan cuti umum berdasarkan projek Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR). Pada masa yang sama, KKM telah menambah baik perkhidmatan Jabatan Kecemasan hospital dengan memobilisasikan kakitangan perubatan secara strategik untuk memantapkan tenaga kerja di Jabatan Kecemasan.

Sebagai hasil daripada pelbagai strategi ini, lebih daripada 95% hospital telah berjaya memberikan penjagaan perubatan kepada sekurang-kurangnya 70% pesakit Zon Hijau dalam masa dua jam, memenuhi petunjuk prestasi utama 100 hari yang ditetapkan untuk Menteri Kesihatan. Oleh itu, bermula dari 26 Februari 2024, PHCorp telah memulakan penambahbaikan SPM dengan memberikan keutamaan kepada daerah-daerah tertentu berdasarkan kekerapan kesesakan pesakit dan trafik di Jabatan Kecemasan. PHCorp juga sedang berusaha untuk memastikan peralihan yang lancar,

mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat awam dan klinik yang berdaftar berhubung perkara ini dan menyelesaikan tuntutan tertunggak bagi pesakit yang telah menerima rawatan.

Penambahbaikan SPM tidak bertujuan untuk menghadkan akses pesakit kepada penjagaan perubatan tetapi lebih kepada memastikan penggunaan sumber yang optimum untuk meningkatkan keberkesanan dan kemampanan projek tersebut. Pemilihan daerah untuk pelaksanaan SPM juga akan mencerminkan pengagihan sumber yang adil, tanpa meminggirkan negeri-negeri separa bandar termasuk di Pantai Timur, Utara, dan Timur Malaysia. Pesakit-pesakit dengan penyakit ringan di luar daerah yang terpilih masih boleh mendapatkan rawatan di KK dan Zon Hijau hospital, di mana masa menunggu yang panjang biasanya tidak menjadi masalah.

KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua GP atas penyertaan aktif mereka dalam SPM. Sejajar dengan aspirasi Kertas Putih Kesihatan (HWP), KKM komited untuk memperkukuhkan kerjasama awam-swasta dalam pelbagai aspek. Sementara projek ini diperhalusi, KKM juga menghargai kerjasama dan persefahaman rakyat Malaysia yang mengiktiraf kepentingan penggunaan sumber yang optimum dalam penjagaan kesihatan dan menyokong dalam memacu transformasi penjagaan kesihatan seiring dengan hala tuju KKM.

**YB DATUK SERI DR DZULKEFLY BIN AHMAD**

**MENTERI KESIHATAN**

**1 MAC 2024**